

# APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 14/2024

## EDITORIAL BOARD

### PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

### COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj Roslim

### CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

### EDITORIAL COMMITTEE

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

Nadiah Yahyauddin

### IN THIS ISSUE:

- \* Fun With Language
- \* Written Articles
- \* APB Rembau Activities  
(March to October 2024)

## **Laporan Program Makan Malam Gala UiTM Cawangan Negeri Sembilan**

Ditulis oleh : Nur Amirah Nabihah binti Zainal Abidin, Nurulnabilah binti Abdul Aziz, Anis Shahira Bazlan, Nur Hakimah binti Md Sallehuddin & Fatin Aliyah binti Hassan

Pada 28 Ogos 2024 Rabu, satu Majlis Makan Malam Gala sempena 25 tahun UiTM sebagai universiti peringkat UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah berjaya dijalankan secara serentak bersama 34 kampus di seluruh Malaysia. Majlis ini adalah anjuran ICAN, Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM&A) dengan mengetengahkan "*Embracing Legacy, Empowering Tomorrow*" sebagai tema utama. Majlis ini telah diadakan di Seri Negeri Ballroom III, Royale Chulan, Seremban dengan kolaborasi bersama Jabatan Tekstil, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Pilah. Objektif majlis ini diadakan adalah untuk:

- i. Menyambut ulang tahun ke- 25 UiTM sebagai sebuah Universiti.
- ii. Mewujudkan ukhuwah yang erat dalam kalangan staf UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan alumni UiTM.
- iii. Mempromosikan hubungan strategik antara UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Alumni, dan juga Industri.

Majlis ini juga lebih bermakna dengan kehadiran Menteri Besar Negeri Sembilan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama

Haji Aminuddin bin Harun sekaligus menjadi perasmi majlis. Di samping itu, majlis ini juga dilihat telah menerima sambutan yang amat baik dengan kehadiran seramai 200 orang peserta yang turut memeriahkan lagi majlis makan malam yang dianjurkan. Terdapat beberapa persembahan yang telah diadakan, antaranya, persembahan nyanyian oleh Waris, penyampaian hadiah Anugerah Kecemerlangan Prestasi (AKP) dan juga acara utama pertunjukan fesyen yang dikendalikan oleh para pelajar Jabatan Tekstil. Selain itu, majlis ini juga turut diserikan dengan kehadiran tetamu istimewa, seorang pereka fesyen yang terkenal di Malaysia iaitu Hatta Dolmat yang juga telah menjadi juri pertunjukan fesyen pada malam gala tersebut. Kehadiran tetamu-tetamu istimewa ini merupakan satu inisiatif yang amat baik dalam mempromosikan hubungan strategik dan jaringan industri UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Majlis Malam Gala ini juga turut mendapat sokongan daripada individu perorangan dan juga pelbagai jenama yang terkenal seperti Syedewa, Wonderlab, Persatuan Bola Sepak Negeri Sembilan, KitaFund, MC&CS Cafe, Haqiqat Re Energi Sdn Bhd, Murni Cendol & Coconut Shake, Reader's Digest, Hospital Pakar CMH, Aura HZ Ent, MyDocSHELVES, Yayasan Negeri Sembilan, Konsesi Kota Permatamas Sdn Bhd, BMES Maintenance Services Sdn Bhd dan juga pihak Royale Chulan yang

telah memberi tajaan. Sekalung ucapan penghargaan diucapkan kepada semua penaja utama Makan Malam Gala 2024 UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Secara keseluruhan, program ini telah mencapai objektif yang disasarkan selain memberi impak yang baik kepada staf UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan Alumni UiTM dengan pendedahan mengenai pencapaian dan kejayaan UiTM selama 25 tahun ditubuhkan sebagai sebuah universiti. Berikut merupakan gambar-gambar ketika majlis berlangsung:



Gambar 1: Perasmian majlis oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun.



Gambar 2: Himpunan ahli jawatankuasa bersama tetamu-kehormat.



Gambar 3: Penampilan istimewa Hatta Dolmat sebagai juri persembahan fesyen.



Gambar 4: Persembahan nyanyian oleh Waris pada Majlis Malam Gala UiTM ke-25.